



UiTM@Media **2016**

Karya Inovasi



UiTM@Media
2016



» *Bakat muda perlu digilap, angkat martabat industri setanding negara lain*

Graduan jadi pencipta, pengeluar produk seni

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Graduan seni visual, grafik dan animasi yang lahir daripada universiti awam (UA) dan swasta sepatutnya dilatih sebagai 'pencipta' yang menggunakan ilmu, bakat serta kreativiti dimiliki untuk melahirkan produk bernuansa Malaysia.

Pengerusi Majlis Rekabentuk Malaysia, Prof Datuk Dr Ahmad Zainuddin, berkata industri seni tanah air terlalu lama bergantung kepada teknologi dan produk Barat sedangkan ramai bakat

muda yang boleh digilap untuk melonjakkan perkembangannya.

"Saya melihat keperluan wujudnya program pembinaan pereka muda kerana ia antara cara terbaik untuk mengangkat martabat industri seni kreatif ke platform lebih tinggi.

"Graduan seni kreatif ini termasuk pengkhususan seni halus sepatutnya diberi peluang melakukan penyelidikan dan pembangunan, sekali gus berupaya melahirkan produk tanah air setanding dengan negara lain," katanya.

Produk, bahan asli tempatan

Ahmad berkata, khalayak seni tanah air masih bergantung dengan bahan yang penting dalam dunia seni mereka seperti warna atau cat dan berus jenama luar negara.

"Sebenarnya kita boleh mencipta produk terbabit khususnya menggunakan bahan asli yang ada dalam negara seperti buluh dan daun sirih untuk mereka warna merah dalam gaya tersendiri.

"Ia juga antara cara membangunkan karier penggiat seni yang sebahagiannya 'dikerah' kreativiti mereka sewenang-wenangnya tetapi bayaran yang diterima tidak setimpal dengan beban kerja yang ditanggung," katanya kepada Sastera BH di

Kuala Lumpur, baru-baru ini. Beliau turut menyorot sejarah institusi seni lukis tanah air yang

dirintis oleh Institut Teknologi MARA (kini dikenali sebagai Universiti Teknologi MARA) dan Malaysian Institute of Art (MIA) yang sudah melewati 50 tahun penubuhannya.

Sumbangan UiTM, MIA

"Sumbangan ITM atau UiTM dan MIA begitu besar dalam menggerakkan agenda seni lukis serta seni reka terutama pada era 1970-an sehingga melahirkan pereka hebat termasuk dalam seni batik dan grafik, sekali gus menjalankan agenda besar khusus bagi menyumbang kepada pembangunan bangsa dan negara.

"Antara nama besar artis yang kemudian mengembangkan bakat sebagai pensyarah seni visual termasuk Hijjas Kasturi, Dr Choong Kam Kow dan Redza Piyadasa," katanya.

Beliau turut melihat pe-minggiran seni kreatif tidak sepatutnya berlaku kerana ia turut berhasil sebagai aset budaya yang memberikan pulangan menguntungkan daripada sudut perekonomian.

"Sambutan terhadap industri bidaan karya yang semakin memberangsangkan dengan kemunculan rumah lelongan pertama di negara ini, Henry Butcher pada 2009, sekali gus memberi petanda masa depan yang cerah untuk penggiat seni terus bersaing secara sihat," katanya.

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

